


- 1 Apakah kepentingan keuntungan kepada perniagaan?
 - A Mengukur tahap prestasi dan hala tuju
 - B Memenuhi keperluan awam dalam pelbagai bidang
 - C Membantu golongan berkemampuan mendapatkan perkhidmatan
 - D Meningkatkan penglibatan sektor awam dalam kegiatan kemasyarakatan
- 2 Apakah kelebihan bentuk pemilikan syarikat sendirian berhad?
 - A Mudah ditubuhkan
 - B Modal yang lebih besar
 - C Keputusan dibuat oleh pemilik
 - D Liabiliti tidak terhad
- 3 Rajah 1 berkaitan dengan skala perniagaan.



Rajah 1

- Pernyataan manakah yang betul tentang pasaran **X**?
- A Menjalankan urusanniaga dalam sesebuah negara
 - B Peniaga terlibat dengan aktiviti entreport
 - C Merupakan pemilik perusahaan kecil dan sederhana
 - D Menanggung kos rendah walaupun melibatkan operasi besar

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan klasifikasi perniagaan.

Nur Adriana pemilik Go Go Food, menawarkan perkhidmatan penghantaran makanan di sekitar Shah Alam. Perniagaan ini mempunyai pekerja seramai 30 orang dengan jumlah jualan tahunan mencapai RM3.5 juta pada tahun 2023.

Apakah klasifikasi perniagaan tersebut?

	Saiz	Sektor
A	Kecil	Primer
B	Sederhana	Tertier
C	Sederhana	Primer
D	Kecil	Tertier

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan cara kerajaan mengatasi masalah pengangguran

P	Perancangan ekonomi sesuai dengan perubahan trend perniagaan
Q	Memberikan pengecualian cukai atas pembayaran gaji pekerja

Antara berikut, apakah jenis pengangguran di **P** dan **Q**?

- I Kitaran
- II Struktur
- III Bermusim
- IV Teknologi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 6 Pernyataan manakah yang betul mengenai trend meningkat dalam persekitaran perniagaan?

- A Tenaga kerja tidak terlatih
- B Ketidakstabilan politik
- C Pemasaran tidak berkesan
- D Kos bahan mentah berkurang

7 Maklumat berikut berkaitan perniagaan Butik Shukri Daud

Butik Shukri Daud menerima 70 tempahan baju perkahwinan bertemakan Melayu Klasik daripada pelanggannya. Semua tempahan baju perkahwinan telah berjaya disiapkan dalam tempoh dua minggu.

Apakah faktor-faktor yang membawa perubahan kepada perniagaan tersebut ?

	Faktor Dalaman	Faktor Luaran
A	Harga yang kompetitif	Perkembangan teknologi maklumat
B	Kewangan yang kukuh	Perubahan citarasa pengguna
C	Pekerja berkemahiran	Penggunaan mesin jahit canggih
D	Pemasaran secara dalam talian	Insentif daripada kerajaan

8 Pernyataan manakah yang membawa kesan perubahan persekitaran dari aspek pasaran?

- A Lambakan buah-buahan import di pasaraya tempatan
- B Pelaksanaan dasar fiskal bagi pertumbuhan ekonomi
- C Peningkatan penggunaan kenderaan elektrik (EV)
- D Kadar pengangguran yang rendah

9 Maklumat berikut berkaitan dengan ketetapan yang akan menjadi pemacu dalam pencapaian perniagaan.


S	Penetapan perancangan melibatkan fokus
T	Pernyataan ringkas untuk menjelaskan tujuan utama perniagaan

Antara yang berikut, pernyataan manakah yang berkaitan dengan S dan T?

- I Visi
- II Misi
- III Objektif
- IV Hala tuju

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10 Rajah 2 berkaitan dengan ciri-ciri objektif perniagaan.



Rajah 2

Pernyataan manakah yang berkaitan dengan **V**?

- A Meningkatkan pengeluaran pakaian setiap bulan
- B Mengeluarkan pakaian sebanyak 20,000 unit
- C Menambah jumlah jualan pakaian
- D Merealisasikan objektif dengan sumber yang mencukupi

11 Perniagaan Alyss mengeluarkan tudung kanak-kanak berjenama Quin. Kos tetap yang ditanggung oleh perniagaan ialah RM25 000. Tudung dijual dengan harga RM15 seunit. Kos berubah seunit RM10. Modal perniagaan berjumlah RM30 000.

Berapakah titik pulang modal perniagaan tersebut?

- A 2 500 unit
- B 3 000 unit
- C 5 000 unit
- D 6 000 unit

12 Apakah faktor luaran yang mempengaruhi perubahan visi sesebuah perniagaan?

- A Penggunaan mesin usang
- B Perubahan cita rasa pengguna
- C Promosi yang kurang berkesan
- D Pekerja yang kurang mahir

- 13 Rajah 3 berkaitan dengan kesan kegagalan mencapai matlamat dan objektif kepada perniagaan.



Rajah 3

Apakah N?

- A Imej perniagaan terjejas
- B Prestasi pekerja menurun
- C Kekurangan sumber teknologi
- D Gagal menguasai syer pasaran

- 14 Gambar 1 berkaitan dengan suatu bahagian fungsian dalam organisasi perniagaan.



Gambar 1

Pernyataan manakah yang berkaitan dengan bahagian fungsian tersebut?

- A Menggunakan alat transaksi untuk penerimaan barang
- B Menggalakkan berlaku pertukaran barang
- C Menukarkan input menjadi barang
- D Menambah baik produk sedia ada

15 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan tujuan bahagian fungsian khidmat pelanggan?

- I Memantau aktiviti setiap bahagian fungsian
 - II Menyelesaikan pertikaian semasa proses perundingan
 - III Melantik pakar teknikal untuk memberikan nasihat terperinci
 - IV Menjawab pertanyaan untuk memenuhi kepuasan semua pihak
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

16 Dialog berikut berkaitan dengan aplikasi penggunaan teknologi dalam perniagaan.

Amani	:	Puan Adila, saya cadangkan kita promosikan keluaran baju kurung terbaru kepada pelanggan-pelanggan tetap kita dahulu sempena musim perayaan yang akan datang ni!
Adila	:	Saya setuju. Kita boleh gunakan Instagram untuk menghubungi pelanggan.

Bagaimanakah aplikasi penggunaan teknologi membantu Amani?

- A Mengedarkan bahan publisiti
- B Menambah sumber perniagaan
- C Menjalankan kajian sasaran pasaran
- D Menyemak simpanan maklumat data perniagaan

17 Mengapakah bahagian kewangan menghantar penyata akaun kepada pembeli?

- A Merumuskan urusan niaga bulanan pembeli
- B Memaklumkan pesanan sedang diproses
- C Memberitahu pembeli barang sudah dihantar
- D Memastikan urusan niaga belian sudah muktamad

- 18 Kedai Alat Ganti Kereta ANW (ANW) merupakan pembekal alat-alat ganti kenderaan kepada Zal Workshop. Bagaimanakah interaksi antara bahagian-bahagian fungsian, kedua-dua perniagaan tersebut?
- A Bahagian Jualan Perniagaan Zal Workshop akan menghubungi Bahagian Belian ANW untuk membeli alat ganti kereta
 - B Bahagian Jualan Perniagaan Zal Workshop akan mengeluarkan invois kepada Bahagian Kewangan Perniagaan ANW
 - C Bahagian Belian perniagaan ANW akan menghubungi Bahagian Belian Perniagaan Zal Workshop untuk membeli alat ganti kereta
 - D Bahagian Kewangan Perniagaan ANW akan mengeluarkan invois kepada Bahagian Kewangan Perniagaan Zal Workshop
- 19 Maklumat berikut berkaitan dengan langkah-langkah pembangunan produk baharu.



Rajah 4

Apakah langkah tersebut?

- A Penjanaan idea
 - B Pembangunan produk
 - C Pembangunan Strategi Pemasaran
 - D Komersialisasi
- 20 Pilih pernyataan yang tepat tentang maksud pengurusan sumber manusia.
- A Mengenal pasti dan mengambil pekerja baharu dalam organisasi
 - B Merujuk kepada pendekatan dan cara mengurus pekerja organisasi secara cekap
 - C Melatih pekerja baharu untuk mencapai matlamat jangka panjang organisasi
 - D Membangunkan tenaga kerja strategik untuk mencapai matlamat organisasi

- 21 Pernyataan berikut berkaitan peranan pengurusan sumber manusia dalam sebuah perniagaan.

Pekerja perlu diberikan penerangan tanggungjawab tertentu dengan jelas dalam suasana yang kondusif bagi mengurangkan tekanan kerja.

Antara berikut, yang manakah perlu dilakukan oleh pengurusan sumber manusia?

- I Merancang deskripsi tugas
- II Membentuk persekitaran kerja yang harmoni
- III Menggalakkan kreativiti dan inovasi
- IV Memantapkan budaya professional

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 22 Dialog berikut berkaitan dengan aspek pengelolaan sumber manusia dalam pembangunan perniagaan yang mampan.

Encik Ravi : Pesaing produk kita telah menukar pembungkusan baharu untuk menarik lebih ramai pelanggan.
Encik Ramly : Kita perlu bekerjasama untuk mengatasi cabaran ini. Apa kata kita tukar strategi promosi pula untuk merancakkan persaingan?
Encik Ravi : Saya setuju.

Apakah aspek pengelolaan tersebut?

- A Penghargaan dan hukuman
- B Penyelesaian masalah
- C Sistem penggajian
- D Standard prosedur operasi tugas

- 23 Pernyataan berikut berkaitan kemahiran kebolehkeraan pekerja Perniagaan Serunding Amirul.

Prestasi Perniagaan Serunding Amirul telah meningkat setelah mengambil seorang tukang masak yang mempunyai pengetahuan dan kreativiti dalam bidang masakan selama sepuluh tahun.

Apakah kemahiran kebolehkeraan tersebut?

- A Bekerja secara berpasukan yang tinggi
- B Berpengalaman dalam bidang masakan
- C Berupaya menyesuaikan diri dengan cepat
- D Berkomunikasi dengan pelanggan

24 Antara berikut, yang manakah komponen gaji?

- I Bonus tunai
- II Elaun
- III Upah
- IV Komisen

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

25 Rajah 5 berkaitan dengan sumber fizikal dalam perniagaan.



Rajah 5

Mengapakah **R** perlu diuruskan dengan baik?

- A Memastikan ia berfungsi dengan baik
- B Memudahkan pengendalian dengan selamat
- C Mempercepatkan proses pengeluaran
- D Memastikan ia sentiasa mencukupi

26 Maklumat berikut berkaitan prosedur mengurus sumber fizikal sebuah perniagaan.

Encik Danny adalah pengurus pengedaran di Mahligai Ice Sdn. Bhd., pengeluar dan pembekal kiub Ais di Klang, Selangor. Syarikat mempunyai 15 buah lori sejuk beku untuk menghantar bekalan kepada pelanggan setiap hari. Encik Danny perlu memastikan lori-lori tersebut sentiasa berada dalam keadaan baik untuk melancarkan pengedaran.

Antara yang berikut, yang manakah perlu dilakukan oleh Encik Danny?

- I Memastikan pemandu mendapat lesen GDL
- II Menghantar bekalan dengan segera kepada pelanggan
- III Memastikan lori dibaiki segera jika ada kerosakan
- IV Menyediakan jadual pemeriksaan lori secara berkala

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

27 Apakah akta yang melindungi idea pencipta karya daripada disalah guna oleh pihak lain?

- A Akta Perlindungan Pengguna 1999
- B Akta Hak Cipta 1987
- C Akta Paten 1983
- D Akta Perihal Dagangan 1972

28 Sumber pembiayaan dalaman manakah yang menggunakan keuntungan untuk menambah modal perniagaan?

- A Rizab
- B Sewa Beli
- C Simpanan Sendiri
- D Pinjaman bercagar

29 Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan luaran.

Encik Aqeef berhasrat untuk mendapatkan sebuah jentolak bagi tujuan membersihkan kawasan tanah terbiar untuk ternakan burung puyuh. Encik Aqeef telah memilih sumber pembiayaan daripada syarikat pajakan bagi tujuan tersebut.

Mengapakah Encik Aqeef memilih sumber pembiayaan tersebut?

- A Jentolak akan menjadi hak milik Encik Aqeef
- B Penyelenggaraan jentolak dilakukan oleh syarikat pajakan
- C Pembayaran deposit boleh mengurangkan bayaran bulanan
- D Jentolak tidak boleh ditarik balik oleh syarikat pajakan

30 Maklumat berikut berkaitan dengan pembiayaan sewa beli kenderaan.

Butiran	Pembiayaan L	Pembiayaan M
Harga kenderaan	RM50 000	RM50 000
Kadar faedah setahun	3%	4%
Tempoh bayaran balik	7 tahun	5 tahun

Mengapakah pembiayaan **M** dipilih?

- I Jumlah faedah sebanyak RM10 000
 - II Bayaran ansuran bulanan sebanyak RM1 000
 - III Bayaran ansuran bulanan lebih rendah sebanyak RM226.20
 - IV Jumlah faedah yang lebih rendah sebanyak RM500
- A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

31 Maklumat berikut diperoleh daripada penyata kewangan Legacy Sunan Berhad.

Butiran	2022	2023
Jualan bersih (RM)	20 juta	30 juta
Untung bersih (RM)	8 juta	6 juta
Modal (RM)	5 juta	6 juta

Bagaimanakah prestasi nisbah pulangan atas modal bagi Legacy Sunan Berhad pada tahun 2023?

- A Prestasi menurun sebanyak 10%
B Prestasi meningkat sebanyak 6%
C Prestasi menurun dari 16% kepada 10%
D Prestasi meningkat dari 40% kepada 50%

32 Gambar 2 berkaitan dengan kegunaan penyata kewangan antara majikan dan pekerjaanya.



Gambar 2

Apakah kegunaan penyata kewangan tersebut kepada Encik Razeen?

- A Membayar dividen kepada pemegang saham
- B Memastikan imej perniagaan meningkat
- C Memohon pembiayaan daripada pihak bank
- D Mempertimbangkan pemberian bonus pekerja

- 33 Maklumat berikut berkaitan dengan perbandingan prestasi dalam dua tahun bagi Perniagaan Nusa Makmur Sdn. Bhd.

Tahun	2022	2023
Peratusan Pulangan atas Modal	4.3%	6.8%

Bagaimanakah prestasi Perniagaan Nusa Makmur Sdn. Bhd.?

- A Prestasi perniagaan semakin merosot sebanyak 2.5%
- B Prestasi perniagaan dapat dikekalkan melalui untung kasar yang diperolehi
- C Perniagaan dapat menjana keuntungan melalui kawalan harga jualan dan kos
- D Perniagaan cekap dalam membuat pelaburan pada tahun semasa

- 34 Pernyataan berikut berkaitan faktor penyumbang bagi memulakan perniagaan.


Puan Ruzaini merupakan graduan Sarjana Seni Grafik dan Rekabentuk dan beliau tahu menggunakan pelbagai aplikasi rekabentuk grafik. Setelah mendapat pandangan baik dari rakan-rakannya, beliau telah membuka perniagaan Creative Art Dimension di Subang, Selangor dan mempunyai ramai pelanggan yang tetap.

Apakah faktor tersebut?

- I Pemasaran
- II Kemahiran
- III Lokasi sesuai
- IV Bantuan profesional

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

35 Rajah 6 berkaitan dengan kelebihan berniaga sebagai satu peluang kerjaya.



Rajah 6

Apakah Y?

- A Mempelbagaikan barang dan perkhidmatan
- B Melaksanakan tanggungjawab sosial
- C Memenuhi keperluan dan kehendak
- D Meneroka pelbagai sumber Baharu

36 Apakah kepentingan akta dalam penubuhan perniagaan?

- A Membolehkan pengurusan dalaman membuat peraturan yang fleksibiliti.
- B Mengendalikan perniagaan mengikut sistem dan piawaian yang ditetapkan.
- C Mewujudkan perkongsian strategik perniagaan dengan pihak lain.
- D Menjadi petunjuk pelaksanaan aktiviti perniagaan.

37 Apakah tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh seorang peniaga selepas memperoleh sijil pendaftaran perniagaan?

- A Mengisi borang carian nama
- B Menyediakan laporan kewangan
- C Mempamerkan papan tanda perniagaan
- D Menentukan bayaran dividen kepada pemegang saham

38 Rajah 7 merupakan petikan penyata aliran tunai.

Kedai Buku Maisarah
Penyata Aliran Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Jun 2024

Butir	Apr (RM)	Mei (RM)	Jun (RM)
Baki b/b	-	55 000	67 000
<u>Penerimaan</u> D	30 000	-	-
<u>Pembayaran</u> F	300	300	300

Rajah 7

Apakah item bagi **D** dan **F**?

	D	F
A	Modal	Promosi
B	Gaji	Komisen diterima
C	Pinjaman	Jualan tunai
D	Belian tunai	Belanja utiliti

39 Gambar 3 berikut merupakan sebuah aktiviti pemasaran



Gambar 3

Pernyataan manakah berkaitan dengan tujuan aktiviti tersebut?

- A Memberitahu pengguna untuk membeli sesuatu produk
- B Menunjuk cara penggunaan sesuatu produk
- C Memujuk pengguna agar menambah belian
- D Mendapat kepercayaan daripada pengguna